AUTHOR: No author available SECTION: EKONOMI AUDIENCE : 46,471 PAGE: 0
PRINTED SIZE: 242.00cm² PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,416 WORDS: 317 ITEM ID: DP0122447138



06 NOV, 2026

Pelaburan tenaga perlu pulangan saksama

Suara Sarawak, Malaysia

Pelaburan tenaga perlu pulangan saksama



AKMAL NASRULLAH MOHD NASIR. | Bernama

KUALA LUMPUR: Projek intensif tenaga perlu dinilai bukan hanya berdasarkan nilai pelaburan, malah dari segi kesiapsiagaan infrastruktur, kecekapan tenaga, penyertaan pembekal tempatan, pembangunan kemahiran dan manfaat ekonomi yang luas, kata Menteri Ekonomi Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Beliau berkata peralihan tenaga Malaysia juga perlu diukur berdasarkan nilai ekonomi yang diwujudkan serta keupayaan negara untuk membangunkan, mengekalkan dan akhirnya mengeksport nilai tersebut.

"Di bawah Tempoh Kawal Selia Empat, perbelanjaan modal berjumlah kira-kira RM42.8 bilion telah diluluskan bagi tempoh 2025-2027 untuk memperkukuh dan memodenkan rangkaian elektrik di Semenanjung Malaysia.

"Ini termasuk pelaburan mengukuhkan grid bernilai RM15 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2027, yang akan terus meningkatkan daya tahan dan kesiapsiagaan sistem elektrik bagi menyokong peralihan tenaga dan permintaan yang meningkat," katanya dalam ucaptama pada Sidang Kemuncak dan Pameran Strategik Peralihan Tenaga Bersih Asia (CETA) 2026 semalam.

Beliau berkata pusat data dan sektor pembuatan termaju, termasuk semikonduktor, meningkatkan keperluan terhadap bekalan elektrik yang dipercayai.

Katanya permintaan terhadap elektrik pada waktu puncak di Semenanjung Malaysia diunjurkan meningkat kira-kira lima peratus setahun, daripada 21 gigawatt (GW) pada 2026 kepada lebih 33 GW menjelang 2035, mewujudkan peluang pelaburan dalam penjanaan, infrastruktur grid, penyimpanan tenaga, sistem penyejukan dan elektronik kuasa.

Akmal Nasrullah berkata Malaysia turut menjangka keperluan tambahan kapasiti penjanaan tenaga berasaskan gas sebanyak kira-kira sembilan GW menjelang 2030, tertakluk kepada semakan berterusan oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air serta Suruhanjaya Tenaga, bagi memenuhi permintaan terhadap elektrik yang meningkat, terutamanya daripada pusat data dan pembuatan termaju.

"Apabila lapangan gas domestik yang matang berdepan kemerosotan pengeluaran, import gas asli cecair (LNG) akan memainkan peranan yang penting dalam memenuhi permintaan yang meningkat.

"Matlamatnya bukan menjadikan gas sebagai alternatif kepada peralihan tenaga, sebaliknya menguruskan peranannya secara bertanggungjawab dalam langkah beralih kepada sistem tenaga yang lebih pelbagai dan rendah karbon," katanya. - Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.